




## Sesi Libat Urus Bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang Hotel Jen, Georgetown

# Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

2 Ogos 2019



# Objektif Sesi Libat Urus

- Membentangkan mengenai hala tuju pembangunan negara bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025
- Mendapatkan cadangan daripada Kerajaan Negeri mengenai perancangan pembangunan di peringkat negeri



# Rangka

## 1 Pengenalan

## 2 Pertimbangan Pasca 2020

- **Sorotan dalaman** : Imbasan semula
  - Prestasi sosioekonomi semasa Malaysia
  - Pencapaian Wawasan 2020
- **Sorotan luaran** : Apakah yang ingin dicapai pada tahun 2030?
  - Ciri-ciri negara yang paling bahagia di dunia
  - Sokongan dasar untuk meningkatkan tahap kebahagiaan
- **Megatrend**

## 3 Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

- Konsep dan pendekatan
- Struktur tadbir urus dan cadangan kertas strategik

## 4 Kedudukan Ekonomi Pulau Pinang: Pencapaian, Isu dan Cabaran

# 1 Pengenalan

- Surat Arahan Penyediaan Pelan Pembangunan Pasca 2020 oleh YBhg. Datuk Seri KSN: **16 April 2019**
- Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) akan diselaraskan dengan **Gagasan Kemakmuran Bersama**, yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 Mei 2019
- Dokumen RMKe-12 dijangka dibentangkan di Parlimen pada **separuh kedua tahun 2020**



2

## Pertimbangan Pasca 2020

### Sorotan dalaman


Imbasan semula

- Prestasi sosioekonomi semasa Malaysia
- Pencapaian Wawasan 2020

# Imbasan semula: Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat sejak tahun 1970-an ...

KDNK Sebenar, Inflasi (% setahun),

Pengangguran (%)



## ✓ Malaysia, 1971-2018

- Malaysia mencatatkan pertumbuhan **6.1%** walaupun berhadapan dengan 5 krisis ekonomi sejak tahun 1970
- Malaysia berjaya pulih dengan pantas selepas setiap krisis disebabkan oleh daya tahan ekonominya

## KDNK, 1971-2018 (% setahun)

- Dunia: 3.1
- Negara Maju: 2.6
- Negara Membangun: 3.0
- Pasaran Baru Muncul: 4.7


Sumber : IHS

% setahun	2017				2018				'19
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4	
KDNK	5.5	5.6	6.1	5.7	5.3	4.5	4.4	4.7	4.5
	5.7				4.7				

Pada peringkat makro, asas ekonomi kekal kukuh ...

- ✓ Pertumbuhan KDNK bagi tempoh 1971-2018 adalah antara yang tertinggi di dunia
- ✓ Kadar inflasi yang rendah dan stabil serta mencapai guna tenaga penuh sejak tahun 1992
- ✓ Kemiskinan mutlak hampir dibasmi pada kadar 0.4% daripada jumlah isi rumah pada tahun 2016
- ✓ Masih merupakan salah satu destinasi utama untuk FDI
- ✓ Dianggap sebagai negara yang berdaya saing: berada pada kedudukan ke-25 daripada 140 negara dalam *Global Competitiveness Report, 2018*

# ... tetapi kesejahteraan sosial masih ketinggalan berbanding kesejahteraan ekonomi



**Kemerosotan kesejahteraan sosial terutamanya bagi komponen institusi keluarga, kesihatan dan alam sekitar**

## • Keluarga

- Punca kemerosotan termasuk peningkatan kadar perceraian, keganasan rumah tangga dan jenayah juvana, ditambah lagi dengan peningkatan tahap hutang isi rumah

## • Kesihatan

- Terdapat peningkatan jangka hayat, penurunan kadar kematian ibu bersalin dan kes-kes penyakit tidak berjangkit
- Namun tahap kesihatan keseluruhannya dipengaruhi oleh peningkatan kadar kematian bayi dan gaya hidup moden yang tidak sihat disebabkan oleh tekanan, tabiat makan yang buruk, merokok dan tidak aktif fizikal


## • Alam Sekitar

- Kemerosotan disebabkan terutamanya oleh kejatuhan indeks pencemaran udara dan indeks kualiti air serta peningkatan kuantiti bahan buangan terjadual

Sumber : Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, MEA

# Kedudukan Antarabangsa: Yang Baik ...


✓ destinasi persaraan kelima terbaik di dunia ...



- **International Living 2019** : Malaysia berada pada kedudukan ke-5 terbaik di dunia untuk bersara berdasarkan empat aspek iaitu kewangan, kesihatan, gaya hidup dan tadbir urus
- 2019: Penjagaan kesihatan di Malaysia menduduki tempat pertama berdasarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia dan infrastruktur yang canggih

Sumber: *International Living*


✓ Malaysia kekal berdaya saing ...



- **World Competitiveness 2019** : Malaysia menduduki tempat ke-22 daripada 63 negara, disokong oleh peningkatan faktor infrastruktur berikutan kedudukan yang lebih baik dalam semua sub-faktor, kecuali pendidikan
- Faktor lain seperti prestasi ekonomi, kecekapan perniagaan dan kecekapan kerajaan mencatatkan sedikit penurunan

Sumber: *Institute for Management Development*


Pasport ke-12 yang paling berkuasa di dunia ...



- **Henley Passport Index 2019** : Malaysia berada pada kedudukan ke-12 pasport paling berkuasa di dunia daripada 226 negara
- Rakyat Malaysia boleh melawat ke 179 negara tanpa memerlukan visa manakala hanya 47 negara lain memerlukan visa untuk memasuki negara ini

Sumber: *Henley & Partners*


✓ Antara tempat paling mudah untuk menjalankan perniagaan di Asia ...



- **Doing Business 2019** : Malaysia menambah baik kedudukan ke-15 daripada 190 buah negara, dan merupakan antara 5 negara teratas dalam tiga petunjuk - melindungi pelabur minoriti, permit pembinaan dan bekalan elektrik
- Penambahbaikan diperlukan dalam aspek 'memulakan perniagaan' termasuk prosedur, masa, kos dan modal minimum yang perlu dibayar untuk memulakan syarikat liabiliti terhad di negara ini

Sumber: *World Bank*

Pengurusan sumber modal, barang dan pelaburan bertambah baik ...




2013 2014 2015 2016 2017 2018 2019

- **Index of Economic Freedom 2019** : Malaysia kekal pada kedudukan ke-22, berdasarkan peningkatan dalam keberkesanan kehakiman, perbelanjaan kerajaan dan kedudukan fiskal - juga melebihi skor purata serantau dan dunia
- Penambahbaikan perlu dalam aspek kecekapan pengawalseliaan untuk tenaga kerja, kewangan dan perdagangan

Sumber: *The Heritage Foundation*

✓ Masih dianggap antara negara paling aman di rantau ini ...




2012 2013 2014 2015 2016 2017 2018

- **Global Peace Index 2018** : Malaysia berada pada kedudukan ke-25 dari 163 negara dan kekal sebagai 5 teratas di rantau dan 30 teratas di dunia sejak tahun 2015
- Prestasi Malaysia bertambah baik dalam 'konflik domestik dan antarabangsa yang berterusan' dan 'keselamatan dan kesejahteraan masyarakat'.
- Dimensi pententeraan (militerisasi) merosot berikutan pertambahan senjata import

Sumber: *Institute of Economy and Peace*

# Kedudukan Antarabangsa: ... Yang Buruk


X Persepsi rasuah semakin teruk ...



- **TI Corruption Perception Index 2018** : Malaysia berada pada kedudukan ke-61 daripada 180 negara
- Prestasi merosot sejak 2015 disebabkan persepsi negatif terhadap kerajaan daripada orang awam, pelabur dan komuniti perniagaan

Sumber: Transparency International


X Kedudukan semakin merosot dari segi pengurusan alam sekitar ...



- **Yale Environmental Performance Index 2018** : Malaysia berada pada kedudukan ke-75 daripada 180 negara
- Prestasi Malaysia semakin merosot sejak tahun 2014 disebabkan oleh skor yang lebih rendah dalam iklim dan tenaga, pencemaran udara dan perhutanan

Sumber: Yale University


Kemerosotan dalam kebebasan peribadi, tadbir urus dan pendidikan ...



- **The Legatum Prosperity Index 2018** : Malaysia berada pada kedudukan ke-44 dari 149 negara
- Skor yang lebih rendah dalam kebebasan peribadi, tadbir urus, pendidikan dan persekitaran perniagaan

Sumber: Legatum Institute


X Kemajuan ekonomi telah memberi kesan kepada kemajuan sosial ...



- **Social Progress Index 2018** : Malaysia hanya menunjukkan sedikit kemajuan dalam aspek sosial dan **kekal pada kedudukan ke-50 sejak 2016**
- Bidang yang perlu ditambah baik termasuk kebebasan peribadi, akses kepada pendidikan lebih tinggi, hak peribadi dan keterangkuman

Sumber: Social Progress Imperative


Pembangunan insan tidak berkembang sebagaimana yang sepatutnya ...



- **UNDP Human Development Index 2018** : Malaysia berada pada kedudukan ke-57 dari 189 negara.
- Walaupun prestasi Malaysia semakin baik sejak 2015 dengan kebanyakan komponen terus meningkat (seperti jangkaan jangka hayat semasa kelahiran dan PNK per kapita), **skor Malaysia masih di bawah purata dunia**

Sumber: UNDP


X Terlalu banyak prosedur dan masa diambil bagi memulakan perniagaan ...



- **Doing Business 2019** : Kedudukan Malaysia bagi indikator memulakan perniagaan jatuh ke tempat ke-122 daripada 190 negara
- Terdapat **9-10 prosedur** dan **13-14 hari** yang diperlukan untuk memulakan perniagaan di Malaysia (New Zealand: 1 prosedur dan 0.5 hari)


Sumber: World Bank

**Ekonomi berasaskan pengetahuan: Terdapat kemajuan yang ketara dalam ekosistem pengetahuan bagi sebahagian industri tetapi **masih banyak yang tertinggal berbanding industri di negara lebih maju****



R&D Malaysia telah meningkat secara beransur-ansur tetapi masih di bawah tahap yang setara dengan pembangunannya

Perbelanjaan R&D (RM juta)



Sumber: Report on Knowledge Content in Key Economic Sectors in Malaysia

Sumber: National Survey of R&D 2016

## Wawasan 2020 : Dibangunkan dengan acuan sendiri merangkumi aspek ekonomi, politik, sosial, rohani, psikologi dan budaya

Cabar	Pencapaian	Penilaian
Membina negara Malaysia yang bersatu padu, terdiri daripada satu <b>Bangsa Malaysia</b>	<b>Rendah</b>	Berubah sangat perlahan dan kekal mencabar, terutamanya apabila wujud politik yang berpecah-belah dan penggubalan dasar mengikut kaum
Mewujudkan <b>masyarakat Malaysia</b> yang berjiwa bebas, tenteram dan maju	Sederhana	Hanya sebahagian daripada matlamat ini tercapai, dengan wujudnya ramai golongan kelas pertengahan berpendidikan yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik
Memupuk dan membangunkan <b>masyarakat demokratik yang matang</b>	<b>Rendah</b>	Terdapat keperluan untuk desentralisasi dan devolusi kuasa kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan
Mewujudkan <b>masyarakat yang bermoral dan beretika</b>	Sederhana	Persepsi terhadap pencapaian aspirasi yang sukar diukur ini sangat pelbagai dan bercampur-baur
Mewujudkan <b>masyarakat yang matang, liberal dan toleransi</b>	<b>Rendah</b>	Persepsi umum bahawa sebahagian daripada hubungan etnik telah terhakis berdasarkan kepada polarisasi yang disebabkan oleh ekstremisme dan ketiadaan toleransi agama
Mewujudkan <b>masyarakat yang saintifik dan progresif</b>	<b>Rendah</b>	Tahap R&D yang rendah dan bilangan saintis, jurutera, penyelidik dan ahli teknologi yang tidak mencukupi
Mewujudkan <b>masyarakat yang penyayang</b>	<b>Rendah</b>	Belum mencapai skala atau tahap yang dapat mewujudkan masyarakat yang penuh kepedulian dan berbudaya penyayang
Memastikan <b>masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi</b>	Sederhana	Pengagihan pendapatan mencatatkan pencapaian signifikan sejak beberapa dekad sejak pelaksanaan dasar afirmatif berdasarkan kaum
Mewujudkan <b>masyarakat makmur</b>	Sederhana	Negara berpendapatan sederhana tinggi dengan ekonomi yang pelbagai

Sumber: Prof. Dr. Yeah Kim Leng, Pengarah Program Pengajian Ekonomi di Institut Asia Tenggara Jeffrey Cheah, Jan 2018





2

## Pertimbangan Pasca 2020

### Sorotan Luaran

Apa yang ingin dicapai pada tahun 2030?

- Ciri-ciri negara paling bahagia di dunia
- Sokongan dasar untuk meningkatkan tahap kebahagiaan
- Megatrend

# Ciri-ciri negara-negara yang paling bahagia


- **Negara paling bahagia tidak semestinya paling kaya**
  - Pendapatan per kapita Amerika Syarikat meningkat sekali ganda dalam tempoh 40 tahun, namun tahap kebahagiaan telah jatuh daripada kedudukan ke-13 pada 2016 kepada ke-19 pada 2019
- **Tiga negara paling bahagia ialah Finland, Norway dan Denmark**
  - Mendapat skor yang tinggi dari segi:
    - Pendapatan
    - Sokongan sosial
    - Kepercayaan
    - Jangka hayat yang sihat
    - Kebebasan
    - Kemurahan hati
  - Rakyat negara tersebut membayar cukai tertinggi di dunia, tetapi mendapat sokongan awam yang meluas kerana dilihat sebagai pelaburan dalam kualiti hidup untuk semua
- **Finland adalah negara paling bahagia di dunia**
  - Tersenarai pada kedudukan paling stabil, negara paling selamat dan tadbir urus terbaik di dunia
  - Pendidikan percuma, kemudahan cuti untuk ibu bapa, keseimbangan antara kerja dan kehidupan
  - Lebih 80% daripada rakyat mempercayai sistem polis, pendidikan dan penjagaan kesihatan
  - Cukai dan pengagihan kekayaan yang progresif
  - Dianggap sebagai salah satu tempat terbaik di dunia untuk menjadi seorang ibu dan wanita yang bekerja

Sumber: Global Happiness and Well-Being Policy Report 2019, Statistics Finland, Scientific American Magazine, The Economist



# Negara-negara yang paling bahagia mempunyai produktiviti, pendapatan dan pampasan pekerja yang lebih tinggi

Perkara	Finland	Norway	Denmark	Malaysia
KDNK benar (% setahun)	2.8	1.9	2.3	5.9
Kadar inflasi (%)	0.8	1.9	1.1	3.7
Kadar pengangguran (%)	8.5	4.2	5.7	3.3
Kedudukan fiskal (% daripada KDNK)	-0.1	-7.7	0.3	-3.2
Jumlah penduduk (juta)	5.50	5.29	5.75	32.0
<b>KDNK per kapita</b> (AS\$) (PPP, antarabangsa semasa \$)	45,927 44,866	75,389 61,414	56,631 51,364	9,755 29,449
<b>Produktiviti buruh</b> (AS\$ PPP)	96,203	136,747	98,543	67,156
<b>Bahagian pampasan pekerja kepada KDNK (%)</b>	46.8	47.5	51.5	35.5



Nota: 1 CEIC Global Economic Data

2 Industri merangkumi perlombongan, pembuatan, pembinaan dan utiliti

Sumber: IMF World Economic Outlook, World Development Indicators, EIU Country Data dan The Conference Board



# Negara-negara yang paling bahagia (kecuali Norway) mempunyai kadar cukai yang lebih tinggi dan memberikan sokongan sosial yang meluas

Ciri-ciri	Finland	Norway	Denmark	Malaysia
<b>Cukai pendapatan</b>	<p>5 banjaran (<i>bracket</i>) pendapatan bercukai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 0% • 21.25%</li> <li>• 6% • 31.25%</li> <li>• 17.25%</li> </ul>	<p>5 banjaran (<i>bracket</i>) pendapatan bercukai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 0% • 12.4%</li> <li>• 1.4% • 15.4%</li> <li>• 3.3%</li> </ul>	<p>3 banjaran (<i>bracket</i>) pendapatan bercukai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 8%</li> <li>• 41%</li> <li>• 55%</li> </ul>	<p>11 banjaran (<i>bracket</i>) pendapatan bercukai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 0% • 14% • 25%</li> <li>• 1% • 21% • 26%</li> <li>• 3% • 24% • 28%</li> <li>• 8% • 24.5%</li> </ul>
<b>Pendidikan</b>	Percuma untuk rakyat bagi kesemua 3 peringkat pendidikan	Percuma untuk rakyat bagi kesemua 3 peringkat pendidikan	Percuma untuk rakyat bagi semua peringkat pendidikan	Percuma untuk rakyat bagi peringkat rendah dan menengah. Peringkat tertiari mengenakan sebahagian kos yuran pengajian.
<b>Perkhidmatan kesihatan</b>	Percuma dengan langganan insurans nasional	Percuma sehingga 16 tahun bagi warganegara	Percuma bagi warganegara	Bayaran RM1 untuk pesakit luar dan beberapa jenis bayaran untuk pesakit dalam
<b>Elaun pengangguran</b>	EUR32.40 setiap hari untuk 5 hari seminggu, selama 65 hari (perlu mempunyai insurans Kela). Elaun dikurangkan secara beransur-ansur selepas 65 hari.	62.4% daripada pendapatan terdahulu (sehingga 52 hingga 104 minggu)	EUR2500 atau EUR1700 untuk pencarum insurans sepenuh masa dan separuh masa (sehingga 2 hingga 3 tahun)	Sistem Insurans Pekerjaan (EIS): 30% - 80% daripada gaji sehingga 6 bulan
<b>Cuti bersalin dan kelahiran</b>	Bapa - maksimum 54 hari Ibu - maksimum 105 hari	Bapa - 2 minggu Ibu - 3 minggu sebelum dan 15 minggu selepas	Bapa - 2 minggu selepas Ibu - 18 minggu selepas	Bapa - 7 hari selepas Ibu - 14 hari sebelum dan 60-90 hari selepas
<b>Keyakinan kepada kerajaan (2015)</b>	56% keyakinan terhadap kerajaan	59% keyakinan terhadap kerajaan	58% keyakinan terhadap kerajaan	<b>44% keyakinan terhadap kerajaan</b>

Sumber: World Health Organization dan pelbagai sumber



# Pengajaran daripada sokongan dasar negara tersebut untuk meningkatkan kebahagiaan

- **Penggubalan dasar inklusif** – kesan kebahagiaan dan keberkesanannya dasar lebih dirasai dengan adanya penglibatan yang lebih besar daripada semua pihak berbanding dengan dasar yang digubal secara atas ke bawah (*top-down*)
- **Penting untuk mengukur kesejahteraan subjektif** – memboleh ubah utama dengan kekerapan dan pecahan geografi yang mencukupi bagi menyediakan data kesejahteraan subjektif di peringkat bandar dan kawasan kejiranan
- **Keperluan pengukuran melangkaui KDNK**
  - Secara beransur-ansur bergerak ke arah petunjuk kesejahteraan subjektif dari kedudukan periferal kepada peranan yang lebih semula jadi sebagai petunjuk keseluruhan kualiti hidup
  - 15 Langkah Baharu Kesejahteraan yang diperkenalkan oleh Sweden baru-baru ini termasuk tiga petunjuk subjektif utama - kepuasan hidup, status kesihatan diri dan kepercayaan sosial
- **Kerangka institusi perlu fleksibel untuk memudahkan inovasi di peringkat yang lebih rendah**
  - Penting untuk mengambil kira keadaan setempat
  - Libat urus secara bersama dengan pihak setempat

# HORIZON MEGATREND Penggerak utama yang membentuk masa hadapan

Global



Pusat tumpuan ekonomi dunia terus beralih ke Asia - eksport Asia-Pasifik dijangka meningkat kepada hampir 40% pada tahun 2050

KDNK Dunia dijangka meningkat dengan kadar purata 3.1% setahun bagi tempoh 2019-2050



## Peningkatan Hutang Sektor Awam

Menjelang 2050, penuaan penduduk akan meningkatkan perbelanjaan kesihatan & pencen. Ini akan mendorong peningkatan paras hutang sektor awam dunia ke tahap yang membimbangkan.

## Perubahan Kuasa Ekonomi, Kebangkitan Timur dan Selatan



Sepuh penduduk dunia akan mendapat akses kepada internet menjelang 2030



Pengkomputeran Awan



Advanced Genomics



Big Data



Kecerdasan Buatan (AI)



Masa depan baharu untuk pembuatan / Advanced Robotics

Pertumbuhan eksponen kuasa pengkomputeran, transformasi digital

Malaysia

## 1 Globalisasi dan ekonomi



KDNK meningkat

RM1.4 trillion kpd

RM10.3 trillion pd 2050

&

Pendapatan isi rumah akan meningkat kepada RM40,000 menjelang 2050

Produktiviti buruh meningkat RM220,000 menjelang 2050



## 2 Teknologi

**Ekonomi automasi:** Tumpuan kepada teknologi, kurang penggunaan tenaga kerja



Kemunculan jenis pekerjaan baharu

Permintaan untuk kemahiran khusus

Masyarakat baharu



# HORIZON MEGATREND

Penggerak utama yang membentuk masa hadapan

Global

Pada 2050 ...

**16.7%** daripada penduduk berumur **>65 tahun**



## Kepesatan urbanisasi

Kebanyakan pertumbuhan bandar berlaku di **Africa & Asia**

## Peningkatan kumpulan pendapatan penengah



## 3 Demografi dan sosial

**>65 tahun**




Malaysia



Penduduk akan meningkat kepada **42 juta** pada **2040**

Nisbah warga emas melebihi 60 tahun



Urbanisasi berkembang dari **75%** pada **2010** kepada **85%** pada **2040**

**Negara menua menjelang 2030**

## 4 Sumber dan alam sekitar



**60% ↑**

dalam pengeluaran makanan keperluan



## PERUBAHAN IKLIM YANG PANTAS



**55% ↑**

dalam permintaan air



Permintaan tenaga meningkat



10% kehilangan biodiversiti menjelang 2050

50% ↑ dalam pelepasan GHG menjelang 2050

Negara sedang membangun perlu menanggung **75 - 80%** kos adaptasi

Peningkatan suhu (**+3 - 4°C**)

200 juta jangkaan penempatan semula penduduk secara tetap berikutnya meningkatkan paras laut, banjir & kemarau



2016:

68 juta tan

2030:

85 juta tan

**GHG**



Perubahan iklim

**Cabar: Memisahkan pertumbuhan ekonomi daripada pelepasan GHG**

Seiring pertumbuhan ekonomi:

**Penggunaan sumber asli dan penghasilan sisa**

**Cabar Jaminan Makanan**






### 3 Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 : Konsep dan Pendekatan

Fasa pertama pelaksanaan Gagasan  
Kemakmuran Bersama

# Pelan Pembangunan Jangka Panjang, 2021-2030 adalah dasar yang dicadangkan berasaskan Gagasan Kemakmuran Bersama



\* Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran selepas PRU14, 2018 dan menetapkan keutamaan dasar baharu

# Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 : Dimensi Pembangunan

1

## Pemerkaaan Ekonomi :

Pemacu dan boleh pertumbuhan, ekosistem dan imperatif

2


## Kemampuan Alam Sekitar :

Pemuliharaan dan pemeliharaan

3

## Perekayasaan Sosial :

Meningkatkan modal sosial, keterangkuman dan kespaduan sosial



4

## Alat Dasar dan Tadbir Urus

Tiga dimensi pembangunan ini adalah sejajar dengan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)**



# Mengoperasikan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025


## Pemerkasaan Ekonomi

### Pemacu dan pemboleh pertumbuhan

- Revolusi Perindustrian Keempat
- Ekonomi digital
- Industri dan perkhidmatan terpilih (aeroangkasa dll.)
- Perdagangan pengedaran
- Kerjasama / perkongsian ekonomi
- Pembaharuan sektor pertanian
- Pembinaan pintar
- Kemampanan tenaga
- Pengantarabangsaan perkhidmatan dan peralatan industri minyak & gas (OGSE)
- Keseimbangan serantau
- Bandar sebagai pemangkin pertumbuhan
- Mempergiat Cyberjaya
- Pembangunan luar bandar berdaya tahan
- Pembangunan serantau bersepadu

### Ekosistem

- Ketersambungan infrastruktur dan pengangkutan
- Kecekapan sektor awam
- Perekayasaan Persekutuan-Negeri-Pihak Berkua Tempatan
- Rangka kerja tadbir urus / kawal selia
- Struktur fiskal dan cukai progresif
- Penyusunan semula modal insan
- Kelayakan kemahiran mikro
- Pewujudan pekerjaan untuk penduduk tempatan
- Pengurusan pekerja asing
- Budaya, seni dan warisan
- Kebolehkesanan halal
- Pembaharuan pasaran tenaga
- Hab pasaran tenaga serantau
- Kerjasama antarabangsa



### Imperatif

- Meningkatkan inovasi dan produktiviti ke peringkat seterusnya
- Meningkatkan perdagangan dan pelaburan swasta
- Semakan semula industri 3 + 2
- Industrialisasi berbanding deindustrialisasi

# Mengoperasikan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

## Kemampanan Alam Sekitar

### Pemuliharaan dan pemeliharaan

- Mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim
- Pengurusan risiko bencana
- Skim insurans risiko bencana



- Teknologi hijau
- Pengurusan ekonomi hijau dan biru
- Pemeliharaan biodiversiti
- Pengurusan hutan yang mampan
- Penggunaan & Pengeluaran Mampan
- Kecekapan tenaga
- Tenaga boleh diperbaharui
- Pengurusan sumber air bersepadu
- Sampah marin
- Sisa sebagai komoditi
- Ekonomi kitaran - mengurangkan sisa dan mewujudkan nilai daripada sisa
- Menilai perkhidmatan ekosistem
- Cukai Karbon

# Mengoperasikan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

## Perekayaan Sosial

### Meningkatkan modal sosial, keterangkuman dan kesepaduan sosial

- Kos sara hidup dan kuasa beli
- Kepelbagaian sumber pendapatan
- Ke arah pertanian pintar/teknik pertanian yang tepat
- Pendapatan asas yang sejagat
- Kesaksamaan pendapatan yang lebih baik dengan fokus kepada B40 dan M40
- Perusahaan sosial
- Menambah baik pengukuran kemiskinan
- Kemiskinan bandar
- Bumiputera berdikari
- Pengoptimuman tanah rizab Melayu
- Penyertaan kumpulan minoriti
- Perpaduan nasional dan kesepaduan
- Pembangunan komuniti
- Etika dan moral yang baik



- Perumahan mampu milik
- Akses perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang berkualiti
- Gaya hidup yang sihat dan aktif
- Mencergaskan penjagaan kesihatan
- Masyarakat menua
- Pendidikan awal kanak-kanak untuk semua
- Sistem bantuan kewangan berstruktur untuk pelajar
- Kawal selia kerjasama industri-akademik untuk TVET
- Pewujudan pekerjaan untuk pekerja tempatan
- Pengurusan pekerja asing
- Keseimbangan hidup bekerja
- Negara yang selamat
- Keselamatan dan ketenteraman awam

# Mengoperasikan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025


## Alat Dasar dan Tadbir Urus

### Alat Dasar

- Proses belanjawan
- Kecekapan pengurusan projek
- Perancangan senario
- *Behavioural Economics*

### Tadbir Urus

- Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- Pembiayaan alternatif
- Pemerkasaan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan komuniti






## **RMKe-12 : Struktur tadbir urus dan pelan kerja**

# Maklum balas daripada pihak berkepentingan diperolehi melalui pelbagai platform ...

- **13 Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG)** – Kerajaan Persekutuan dan Negeri
- **46 Kumpulan Kerja Teknikal (TWG)** – Sektor awam dan swasta
- Sekurang-kurangnya **180 Kumpulan Fokus (FG)** – Sektor awam dan swasta, serta masyarakat sivil



## Reformasi Sektor Awam dan Tadbir Urus

1. Menyuntik Aspek *Behavioural Economics* Dalam Penggubalan Dasar
2. Pembaharuan Pengurusan Perusahaan Berkaitan Kerajaan
3. Pembaharuan Kerjasama Awam Swasta ke Arah Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan
4. Memperkuuh Penyelarasan dan Kerjasama untuk Menyokong Pembangunan Wilayah
5. Tadbir Urus yang Lebih Baik
6. Kecekapan Perkhidmatan Sektor Awam

## Perekayaan Sosial

7. Memperkuuh Perpaduan Negara
8. Memastikan Kemampunan Pendapatan Isi Rumah B40
9. Menyokong Komuniti Bumiputera Menuju ke Arah Masyarakat Berdaya Tahan, Progresif dan Berani
10. Menjelang 2030: Mewujudkan Penyelesaian bagi Penduduk Muda di Malaysia
11. Mencergaskan Penjagaan Kesihatan Ke Arah Negara Progresif
12. Memastikan Negara Selamat, Tenteram dan Aman
13. Mentransformasi Kawasan Luar Bandar untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat Luar Bandar

## Kemampunan Alam Sekitar

14. Melabur dalam Pertumbuhan Mampan dan Berdaya Tahan
15. Menilai Sumber Asli untuk Pembangunan Sosioekonomi
16. Transformasi Sektor Air
17. Penggunaan Tenaga yang Mampan untuk Menyokong Pertumbuhan

## Pemerkasaan Ekonomi

18. Memacu Pemodenan Sektor Agromakanan
19. Mencapai Kemakmuran Ekonomi dan Sosial Melalui Agrikomoditi
20. Memperkasa Sektor Pembuatan
21. Menjana Kekayaan Melalui Inovasi
22. Menjana Pertumbuhan Berasaskan Industri Aeroangkasa
23. Memperkuuh Sektor Perkhidmatan
24. Mencergaskan Semula Sektor Pelancongan
25. Digitalisasi Ekonomi Malaysia
26. Ketersambungan: Sistem Pengangkutan dan Logistik yang Lancar
27. Menuju ke Arah Bandar Lestari
28. Memperkuuh Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk Memenuhi Permintaan Industri
29. Pasaran Buruh Inklusif bagi Kemakmuran Negara
30. Memperkuuh Sistem Pendidikan
31. Memperkasa Semula Sistem Pendidikan Tinggi
32. Membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana Berdaya Tahan



## 4

# Kedudukan Ekonomi Pulau Pinang: Pencapaian, Isu dan Cabaran


# Tinjauan awal ekonomi Pulau Pinang

- **Penilaian ekonomi Pulau Pinang bukan bertujuan sebagai satu perbandingan antara negeri**
- **Pulau Pinang merekodkan prestasi sosioekonomi yang baik**
  - Pertumbuhan ekonomi diterajui sektor perkhidmatan dan pembuatan
  - Pendapatan per kapita adalah lebih tinggi
  - Produktiviti buruh adalah lebih tinggi
  - Kadar kemiskinan semakin berkurangan dengan signifikan
  - Kadar inflasi adalah lebih rendah
- **Masih terdapat isu dan cabaran yang perlu diberi perhatian**
  - Kualiti pelaburan perlu diberi perhatian
  - Industri pelancongan Pulau Pinang diterajui oleh pelancong domestik
  - Pendapatan bulanan isi rumah di bawah paras nasional
  - Masih terdapat kesenjangan pendapatan antara daerah
  - Kadar pengangguran belia membimbangkan
  - Kebergantungan kepada pekerja separa mahir masih tinggi
  - Peratusan pelajar tamat menengah dan kadar penyertaan buruh masih rendah
  - Ketidakmampuan memiliki rumah yang teruk
  - Akses infrastruktur masih perlu dipertingkatkan
  - Pelabuhan Pulau Pinang masih beroperasi di bawah kapasiti maksima
  - Kemerosotan komponen alam sekitar dan kesihatan
- **Kekuatan dan keunikan Pulau Pinang perlu dinilai dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri secara mampan**


# Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh...

KDNK Pulau Pinang berkembang 5.3% setahun ...

## KDNK pada harga malar 2015 (% setahun)




## Sumbangan kepada KDNK Nasional, 2018 (%)



Sumber: DOSM

... dan lebih tinggi daripada paras nasional



## KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015 (% setahun)



# Pendapatan per kapita Pulau Pinang terus meningkat dan berada di paras lebih tinggi berbanding nasional ...

**KDNK per kapita meningkat 4.8% setahun bagi tempoh 2016-2018 ...**

**... dan mencatat 18% lebih tinggi berbanding purata nasional pada tahun 2018**



Sumber: DOSM dan MEA

# Struktur ekonomi Pulau Pinang bertumpu kepada sektor perkhidmatan dan pembuatan...

Sektor perkhidmatan dan pembuatan mencatat pertumbuhan yang kukuh...

... sektor perkhidmatan dan pembuatan menyumbang sebanyak 93.9% kepada ekonomi Pulau Pinang

## Pertumbuhan (% setahun)

KDNK  
2016-2018 5.3

Pertanian -1.9

Pembinaan -1.6 6.1

Pembuatan 5.1 5.5


Perkhidmatan 6.2 5.8

Perlombongan 0.0 6.7


-4 0 4 8

Pulau Pinang Malaysia

Pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang berkembang 5.3% setahun bagi tempoh 2016-2018



- Pertanian
- Pelombongan
- Pembinaan
- Pembuatan
- Perkhidmatan
- Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi
- Perdagangan borong dan runcit, F&B dan penginapan
- Kewangan dan insurans, hartaanah dan perkhidmatan perniagaan
- Perkhidmatan lain




Sumber: DOSM

## Prestasi pelaburan swasta Pulau Pinang memberangsangkan ...


Peruntukan pembangunan (DE) yang diluluskan pada tahun 2019 berjumlah RM857 juta ...

... pelaburan swasta sektor pembuatan adalah setara dengan purata nasional bagi tahun 2018

Peruntukan pembangunan  
(RM juta)



Pelaburan swasta sektor  
pembuatan (RM bn), 2018




Sumber: MITI

# Produktiviti buruh melepas paras nasional ...

Produktiviti buruh adalah 19.1% lebih tinggi daripada paras nasional ...

## Produktiviti Buruh, 2018


(RM '000/pekerja, pada harga malar 2015)




... dan pertambahan guna tenaga mahir perlu untuk meningkatkan momentum pertumbuhan produktiviti

## Produktiviti Buruh

(RM '000/pekerja, pada harga malar 2015)




## Guna tenaga ('000)




# Produktiviti buruh Pulau Pinang dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan lebih tinggi berbanding paras nasional


Produktiviti buruh mengikut sektor ekonomi utama, 2018 (RM'000/pekerja pada harga malar 2015)




Produktiviti Buruh sektor **Pembuatan**, 2018  
(RM'000/pekerja pada harga malar 2015)




Produktiviti Buruh sektor **Perkhidmatan**, 2018  
(RM'000/pekerja pada harga malar 2015)




Produktiviti buruh sektor **Perlombongan**, 2018  
(RM'000/pekerja pada harga malar 2015)



Produktiviti buruh sektor **Pembinaan**, 2018  
(RM'000/pekerja pada harga malar 2015)



Produktiviti buruh sektor **Pertanian**, 2018  
(RM'000/pekerja pada harga malar 2015)




Sumber : DOSM & MEA

# Kadar kemiskinan di Pulau Pinang telah berkurangan dengan ketara berbanding nasional ...


Kadar kemiskinan berkurangan dengan ketara ...

... dan jurang pendapatan terus mengecil

Kadar kemiskinan (%)




Kadar Kemiskinan Tegar (%)



Jurang — Malaysia — Pulau Pinang

Nota: Berdasarkan data eKasih pada 30 Jun 2019, masih terdapat 7,063 isi rumah miskin termasuk 1,533 yang miskin tegar

Pekali Gini (Indeks)





■ Pulau Pinang ○ Malaysia

Sumber: DOSM

# Kadar inflasi di Pulau Pinang masih rendah, namun terdapat peningkatan yang ketara bagi komponen makanan ...

Kadar inflasi lebih rendah daripada nasional ...

... komponen makanan merupakan penyumbang utama peningkatan inflasi




Sumber: DOSM

# Industri pelancongan Pulau Pinang diterajui oleh pelancong domestik ...


Jumlah penginapan hotel oleh pelancong domestik lebih tinggi berbanding antarabangsa ...

Bilangan Penginap Hotel (Juta)



... dan kadar penginapan hotel telah berkurangan

Kadar Penginapan Hotel (%)




Sumber: Tourism Malaysia

# Paras pendapatan bulanan isi rumah lebih rendah berbanding dengan purata nasional ...

Pendapatan bulanan isi rumah meningkat 4.6% setahun bagi tempoh 1999-2016 ...


Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah Purata (RM)



Sumber: DOSM


... dan jurang pendapatan berbanding nasional adalah 2.8%

Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah Purata (RM), 2016




# Pendapatan kumpulan B40 di Pulau Pinang mengalami defisit

Pendapatan penengah adalah 3.5% lebih tinggi berbanding nasional ...



... namun, tiada lebihan pendapatan bagi kumpulan teratas B40




Sumber: DOSM dan Pengiraan MEA



# Masih terdapat kesenjangan pendapatan antara daerah ...

Pendapatan penengah isi rumah di Seberang Perai Utara paling rendah berbanding daerah lain ...

... namun jurang pendapatan di Timur Laut lebih besar



Daerah	Pekali Gini
• Timur Laut	0.377
• Seberang Perai Selatan	0.339
• Seberang Perai Utara	0.338
• Seberang Perai Tengah	0.330
• Barat Daya	0.327




**PULAU PINANG**  
 Penengah: RM5,409 (7.0%)  
 Purata: RM6,771 (6.1%)  
 Insiden kemiskinan: 0.1  
 Pekali Gini: 0.356

## Pulau Pinang berhadapan dengan kadar pengangguran belia yang agak tinggi ...


Kadar pengangguran belia semakin meningkat, walaupun rendah berbanding paras nasional...

Kadar Pengangguran (%)




... pemberhentian kerja tertumpu kepada pekerjaan mahir dan separa mahir berbanding kekosongan daripada pekerjaan berkemahiran rendah

Pemberhentian



Kekosongan




Nota : Berdasarkan International Labour Organization (ILO), belia didefinisikan sebagai mereka yang berumur 15 dan 24 tahun

Sumber: DOSM dan MOHR

# Kebergantungan kepada pekerja separa mahir masih tinggi ...

... peratusan pekerja mahir lebih tinggi berbanding nasional, namun industri masih bergantung kepada pekerja separa mahir



## Isu utama

- Pelajar yang menamatkan pendidikan menengah (80.9%) adalah di bawah purata nasional sebanyak 83.5%
- Kadar penyertaan buruh sebanyak 67.7% lebih rendah berbanding nasional (68.3%)


Sumber: DOSM

# Penduduk Pulau Pinang berhadapan ketidakmampuan memiliki rumah ...

... berada pada paras ketidakmampuan teruk dalam pemilikan rumah ...

... meskipun paras harga rumah median mengalami penurunan

## Penunjuk Kemampuan Kediaman<sup>1</sup>, 2017




- < 3.0 : Mampu milik
- 3.1-4.0 : Sederhana
- 4.1-5.0 : Ketidakmampuan serius
- > 5.1 : Ketidakmampuan teruk

<sup>1</sup>Berdasarkan model penunjuk gandaan penengah (*multiple median indicator*) oleh Bank Dunia dan Bangsa-bangsa Bersatu

Sumber: MEA, DOSM dan NAPIC


Malaysia, 2018

RM296,944  
(-2.0%)



## Pemilikan rumah kumpulan B40 berada 1.5 mata peratus di bawah nasional


% pemilikan, 2016



# Akses infrastruktur Pulau Pinang masih perlu dipertingkatkan ...

Kepadatan sekolah dengan nisbah bilangan pelajar kepada sekolah yang tinggi berbanding paras nasional ...

Nisbah bilangan pelajar kpd sekolah, 2017 ('000/sekolah)




Nota: Populasi pelajar berdasarkan bilangan populasi dalam julat usia 5 – 19 tahun

Sumber: DOSM dan KPM

... begitu juga dengan kemudahan kesihatan dengan nisbah penduduk per katil hospital

Nisbah penduduk kpd katil hospital, 2018 ('000/katil)




Nota:

- Termasuk Institusi Perubatan Khas
- Tidak termasuk hospital swasta

Sumber: DOSM dan MOH

... kesesakan jalan raya berikutan jumlah pelancong yang tinggi dan kepadatan penduduk

Nisbah penduduk dan pelancong kpd panjang jalan, 2018 ('000/km)




Nota: Maklumat jalan raya adalah berdasarkan buku Statistik Jalan 2015 dan 2018

Sumber: JKR dan TOURISM Malaysia


Penduduk  
Pelancong

# Pelabuhan Pulau Pinang masih beroperasi di bawah kapasiti maksima ...

Walaupun prestasi perkhidmatan pengendalian kontena dan kargo meningkat...




... namun, masih beroperasi di bawah paras kapasiti maksima sebanyak 25%




# Kemerosotan komponen kesihatan dan alam sekitar merupakan isu utama kesejahteraan rakyat Pulau Pinang ...


Kesejahteraan rakyat Pulau Pinang lebih baik berbanding nasional ...



... namun jurang kesejahteraan sosial dan ekonomi masih lebar ...



... komponen kesihatan dan alam sekitar perlu diberi perhatian




# Komponen kesihatan di Pulau Pinang merosot berikutan peningkatan nisbah kematian ibu bersalin ...


**Indeks komponen kesihatan menurun sebanyak**

**1.0 mata peratusan**

**Indeks kesihatan**




**Sub indeks nisbah kematian ibu bersalin**



**Punca kemerosotan kesihatan :**

- Sub indeks nisbah kematian ibu menurun daripada 93.1 pada tahun 2011 kepada 66.7 pada tahun 2017
- Sub indeks bilangan katil di hospital berkurangan daripada 85.4 pada tahun 2011 kepada 83.4 pada tahun 2017

**Sub indeks bilangan katil di hospital**




# Komponen alam sekitar merosot berikutan kualiti air, peratusan kawasan berhutan dan pencemaran udara ...

**Indeks komponen alam sekitar merosot sebanyak**

## 5.8 mata peratusan


### Indeks alam sekitar




### Punca kemerosotan alam sekitar :

- Sub indeks kualiti air berkurangan daripada 104.0 pada tahun 2011 kepada 103.2 pada tahun 2017
- Sub indeks peratusan kawasan berhutan menyusut daripada 142.2 pada tahun 2011 kepada 134.7 pada tahun 2017
- Sub indeks pencemaran udara menurun daripada 110.5 pada tahun 2011 kepada 102.1 pada tahun 2017
- Sub indeks purata suhu maksimum semakin merosot daripada 102.1 pada tahun 2011 kepada 83.1 pada tahun 2017


### Sub indeks kualiti air




### Sub indeks kawasan berhutan



### Sub indeks pencemaran udara



### Sub indeks purata suhu maksimum



# Kesimpulan

- Keutamaan dasar pembangunan negara adalah berasaskan tiga dimensi iaitu pemerkasaan ekonomi, kemampanan alam sekitar dan perekayasaan sosial
- Sebaik-baiknya pelan pembangunan negeri dijajarkan dengan pelan pembangunan nasional ke arah mencapai matlamat yang sama
- Cadangan projek pembangunan perlu mengambil kira elemen tiga dimensi RMKe-12 untuk diberi pertimbangan dan keutamaan





# Terima kasih

[www.meaweb.gov.my](http://www.meaweb.gov.my)  
[rmke12.meaweb.gov.my](http://rmke12.meaweb.gov.my)